

## KEMPEN DIGITAL DAY 2019: MENANG 365 HARI BUBBLE TEA FRENZY

Dikemaskini pada 19 Ogos 2019

### **Hari Kempen**

Kempen "Digital Day 2019: Menang 365 Hari Bubble Tea Frenzy" ("Kempen") Hong Leong Bank Berhad (97141-X) ("HLB") dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) ("HLISB") akan bermula dari 12:00 tengahari hingga 10.00 malam pada 21 Julai 2019 ("Hari Kempen").

HLB dan HLISB secara kolektif akan dikenali sebagai "Bank".

### **Tempat Acara dan Peniaga Sertaan**

Kempen akan berlangsung di Tempat Acara dan akan menampilkan Peniaga-peniaga Sertaan yang dinyatakan seperti di bawah ini:

<b>Tempat Acara:</b>	
Yzen Frozen Yogurt 76, Ground Floor, Jalan SS15/4, 47500 Subang Jaya, Selangor	Ahoy Café 74, Jalan SS 15/4, Ss 15, 47500 Subang Jaya, Selangor

<b>Peniaga Sertaan:</b>		
THE ALLEY MALAYSIA 鹿角巷 84 G, Jalan SS 15/4, Ss 15, Subang Jaya	熊黑堂 DABOBA MALAYSIA 25, Jalan SS 15/4, Ss 15, Subang Jaya	PIN TEA MALAYSIA 品茶 86G, Jalan SS 15/4, Ss 15, Subang Jaya

Kempen meliputi yang berikut:

- (A) Promosi A – Promosi Hong Leong Connect App
- (B) Promosi B – Promosi Kad Kredit Hong Leong
- (C) Promosi C – Promosi Kad Debit/Kad Debit-i Hong Leong dan WeChat
- (D) Peraduan Menang 365 Hari Bubble Tea Frenzy

### **Terma dan Syarat**

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut-

### **Kelayakan**

1. Untuk layak menyertai Kempen ini, pelanggan **mestilah hadir sendiri di Tempat Acara** dan memenuhi syarat-syarat kelayakan bagi setiap Promosi/Peraduan yang dinyatakan dalam Terma & Syarat ini.
2. Golongan berikut TIDAK layak menyertai Kempen:
  - a. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisyiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Hari Kempen.
  - b. Pelanggan yang telah melakukan atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan mana-mana kesalahan yang ditetapkan di dalam ini.
  - c. Kakitangan Bank yang bekerja tetap dan kontrak, kakitangan mana-mana wakil atau ejen Bank (termasuk juruaudit luar, vendor, pembekal, ejen pengiklanan dan peraduan) dan ahli keluarga terdekat masing-masing (contoh, pasangan, anak-anak atau ibu bapa).

## Kaedah Promosi/Peraduan

### (A) Promosi Hong Leong Connect App

#### Kelayakan

3. Promosi A hanya dibuka untuk penyertaan oleh pelanggan Kad Debit Hong Leong dan Kad Kredit Hong Leong sedia ada yang :

- a) Mempunyai telefon bimbit yang berdaftar dengan Bank untuk menerima Kod Kebenaran Transaksi ("TAC"); **dan**
- b) **Hadir sendiri di Tempat Acara pada Hari Kempen** untuk melakukan hal berikut dengan bantuan kakitangan/wakil Bank ("Kakitangan Bank") di Tempat Acara:
  - (i) memuat turun dan memasang aplikasi Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect ("Connect App") daripada Google Play Store or Apple App Store; and
  - (ii) mendaftar dan melayari Connect App menggunakan butiran Kad Kredit atau Kad Debit Hong Leong.

#### Pemberian Promosi A

4. Pelanggan Kad Debit Hong Leong dan Kad Kredit Hong Leong yang memenuhi syarat kelayakan dalam Fasal 3 Terma dan Syarat ini ("Pelanggan Layak") berhak menerima satu (1) minuman bubble tea ("Pemberian Promosi A") daripada Peniaga Sertaan yang dinyatakan di bawah ini.

Peniaga Sertaan	Daboba Malaysia	The Alley Malaysia
Bilangan Baucar untuk diagihkan (#)	100	100

5. Bagi mengelakkan keraguan, Pemberian Promosi A dihadkan satu (1) Pemberian Promosi A bagi setiap Pelanggan Layak sepanjang Hari Kempen. Jumlah bilangan Pemberian Promosi A yang akan diagih-agihkan di bawah Kempen ini dihadkan setakat 200. Pemberian Promosi A atas dasar siapa cepat dia dapat dan Pelanggan Layak dibenarkan memilih baucar dari Daboba Malaysia atau The Alley Malaysia, tertakluk kepada ketersediaan stok.

Pelanggan Layak juga berpeluang memenangi Hadiah Utama, butir-butir keterangannya dinyatakan dalam Fasal 16 di bawah.

### (B) Promosi B – Promosi Kad Kredit Hong Leong

7. Promosi B dibuka untuk penyertaan oleh pelanggan HLB Baharu-Kepada-Kad (NTC) sahaja ("Pemegang Kad Layak") yang **memohon mana-mana Kad Kredit Hong Leong**.
8. Pemegang Kad Layak akan berhak menerima satu (1) baucar bubble tea daripada salah satu Peniaga Sertaan yang dinyatakan di bawah ini ("Pemberian Promosi B"):

Peniaga Sertaan	Daboba Malaysia	The Alley Malaysia	PIN Tea Malaysia
Bilangan Baucar untuk diagihkan (#)	100	70	30

9. Bagi mengelakkan keraguan, Pemberian Promosi B dihadkan satu (1) Pemberian Promosi B bagi setiap Pemengang Kad Layak sepanjang Hari Kempen. Jumlah bilangan Pemberian Promosi B yang akan diagih-agihkan di bawah Kempen ini dihadkan setakat 200. Pemberian Promosi B atas dasar siapa cepat dia dapat, dan Pemegang Kad Layak dibenarkan memilih baucar daripada Daboba Malaysia, The Alley Malaysia dan PIN Tea Malaysia, bergantung kepada ketersediaan stok.

10. Pelanggan Layak juga berpeluang memenangi Hadiah Utama, dan untuk layak mendapat Hadiah Utama, permohonan kad kreditnya mestilah diluluskan dalam masa 21 hari perniagaan dari Hari Kempen, yang butir-butir keterangannya dinyatakan dalam Fasal 16 di bawah.

**(C) Promosi C – Kad Debit/Kad Debit-i Hong Leong dan WeChat (Promosi C)**

11. Pemegang Kad Debit Hong Leong/Kad Debit-i sedia ada (“Kad Debit HL”) yang **hadir sendiri di Tempat Acara pada Hari Kempen** dan pautkan Kad Debit HLB mereka kepada WeChat Pay e-Wallet dengan bantuan kakitangan Bank (“Pemegang Kad Debit Layak”) berhak menerima satu (1) baucar bubble tea daripada salah satu Peniaga Sertaan yang dinyatakan di bawah ini (“Pemberian Promosi C”):

Peniaga Sertaan	Daboba Malaysia	The Alley Malaysia	PIN Tea
Bilangan Baucar (#)	125	105	20

12. Pelanggan yang mengikut WeChat Akaun Rasmi HLB juga akan berhak menerima Pemberian Promosi C.
13. Pemegang Kad Debit Layak yang memenuhi **kedua-dua kriteria** yang dibentangkan dalam Fasal 11 dan 12 akan berhak menerima dua (2) baucar bubble tea daripada Peniaga Sertaan yang dinyatakan dalam Fasal 11 di atas.
14. Jumlah bilangan Pemberian Promosi C yang akan diagih-agihkan di bawah Kempen ini dihadkan setakat 250. Pemberian Promosi C sahaja atas dasar siapa cepat dia dapat, dan Pemegang Kad Debit Layak dibenarkan memilih baucar daripada Daboba Malaysia, The Alley Malaysia dan PIN Tea Malaysia, bergantung kepada ketersediaan stok.
15. Pemegang Kad Debit Layak juga berpeluang memenangi Hadiah Utama, butir-butir keterangannya dinyatakan dalam Fasal 16 di bawah.

**(D) Peraduan Menang 365 Hari Bubble Tea Frenzy (“Peraduan”)**

16. Pelanggan Layak, Pemegang Kad Layak dan Pemegang Kad Debit Layak akan berpeluang memenangi satu (1) daripada tiga (3) Hadiah Kempen yang dinyatakan di bawah ini:

Hadiah Kempen	Jumlah Bilangan Hadiah Kempen
Hadiah Tunai RM3,650	3

**Pemilihan dan Pemenuhan Pemenang**

17. Pelanggan Layak, Pemegang Kad Layak dan Pemegang Kad Debit Layak (secara kolektif disebut “Pelanggan Hadiah Layak”) masing-masing akan mendapat satu (1) penyertaan untuk peluang memenangi Hadiah Kempen dan akan diberi satu Borang Penyertaan Peraduan untuk dilengkapkan pada Hari Kempen di Tempat Acara.
18. Sepuluh Pelanggan Hadiah Layak akan dipilih secara rambang (“Pelanggan Disaring”) daripada seluruh Pelanggan Hadiah Layak dalam masa tiga (3) Hari Perniagaan (yakni suatu hari yang bukannya hari Sabtu, Ahad atau hari kelepasan am di Kuala Lumpur yang biasanya Bank tidak dibuka pada hari itu untuk perniagaan) selepas Hari Kempen.
19. Pelanggan Disaring akan dihubungi melalui Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) dalam masa 30 Hari Perniagaan selepas Hari Kempen, dan SMS daripada penyedia perkhidmatan SMS lantikan HLB iaitu M3 Technologies (Asia) Berhad (“M3 Tech”) akan dihantar ke nombor telefon mereka yang diberi kepada HLB dan seperti yang Tertera dalam Borang Penyertaan Peraduan. SMS tersebut mengandungi satu (1) soalan dan arahan panduan menjawab.

20. Sekiranya Pelanggan Disaring memberi jawapan yang salah dan / atau tidak membala soalan yang dihantar oleh HLB melalui SMS dalam masa satu (1) hari kalender akan terlucut kelayakannya.
21. Tiga (3) orang daripada Pelanggan Disaring yang membala melalui SMS dengan jawapan yang betul dalam masa terpantas dan dalam format yang betul seperti diarahkan dalam SMS yang dihantar oleh HLB akan berpeluang memenangi Hadia Kempen (“Pemenang”).
22. Pelanggan Disaring akan menanggung sendiri kos jawapan SMS mereka apabila menyertai Peraduan ini.
23. HLB tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran atau penerimaan mesej SMS kepada atau daripada mana-mana penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang mungkin menyebabkan Pelanggan Disaring terlepas dari menyertai Peraduan ini.
24. Bagi mengelakkan keraguan, Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk menentukan jika Pemenang layak menerima sebarang Hadiah Kempen dan pertikaian atas keputusan HLB tidak akan dilayani.
25. Semua Hadiah akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa/Akaun Simpanan Pemenang (“CASA”) atau Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i (“CASA-i”) atau Akaun Kad Kredit Hong Leong yang diselenggara oleh Pemenang dengan Bank. CASA, CASA-i dan Akaun Kad Kredit Hong Leong Pemenang secara kolektif akan disebut “Akaun Layak” .
26. Semua Hadiah akan dikreditkan dalam masa 60 Hari Perniagaan dari tarikh Hari Kempen dan SMS Pemberitahuan akan dihantar kepada nombor telefon bimbit Pemenang yang berdaftar dengan Bank. Pengumuman Pemenang akan disiarkan dalam laman web rasmi HLB.
27. Akaun Kad Kredit / CASA / CASA-i Pemenang mestilah aktif dan sah setakat 7 Oktober 2019, jika tidak Hadiah Kempen akan dilupuskan mengikut budi bicara mutlak HLB. Dalam hal pelupusan tiada pilihan penggantian akan diberi.
28. Pengumuman Pemenang (contoh, Nama dan nombor MyKad/pasport (“ID”) terlindung) akan disiarkan dalam Laman Web HLB dalam masa 30 hari bekerja selepas Hari Kempen.
29. Pemenang berkewajipan memberitahu HLB melalui surat jika tidak menerima Hadiah Kempen selewat-lewatnya 10 Oktober 2019, jika gagal berbuat demikian Pemenang akan dianggap telah menerima Hadiah Kempen dan rayuan/permintaan untuk bayaran ganti Hadiah Kempen tidak akan dilayani.
30. Semua Hadiah Kempen adalah atas dasar “sebagaimana ada” kepada Pemenang terpilih sahaja. Hadiah Kempen tidak boleh dipindah milik atau ditukar lain .
31. HLB berhak menggantikan Hadiah Kempen dengan apa-apa barang lain yang sama nilainya menurut budi bicara mutlaknya.
32. Pemberian Hadiah Kempen akan dipenuhi pada suatu tarikh tidak lewat daripada 60 Hari Perniagaan selepas Hari Kempen. Pemenang mungkin dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah pada suatu tarikh dan masa yang akan ditentukan oleh HLB. Sekiranya Pemenang gagal hadir di majlis itu, HLB adalah berhak melupuskan Hadiah itu.

## Umum

33. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan bersetuju:
  - a. telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat di dalam ini;
  - b. semua rekod transaksi yang dirakamkan dalam sistem Bank semasa Hari Kempen adalah tepat dan muktamad
  - c. keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan dan sebarang surat-menyerat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayani;

- d. bersetuju bahawa semua permohonan Kad Kredit Hong Leong adalah tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan Bank;
  - e. mengakses laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) (“Laman Web HLB”) dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Kempen dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
  - f. dipertanggungjawabkan dan menanggung segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.
  - g. memberi keizinan kepada Bank untuk mengambil, mendedahkan atau menerbitkan nama, Nombor Kad Pengenalan (KP) atau alamat emel atau butir-butir hubungannya dan/atau foto mereka (secara terlindung) dalam Laman Web HLB, bahan media, pemasaran atau pengiklanan;
  - h. membenarkan HLB/HLISB untuk mengambil dan mendedahkan data peribadi mereka (iaitu nama, nombor KP, alamat emel dan/atau butir-butir hubungan mereka, mana-mana berkenaan) kepada syarikat acara lantikan Bank: Contagious Malaysia Sdn Bhd dan penyedia perkhidmatan SMS, M3 Tech, atas budi bicara HLB bagi tujuan Kempen ini.
34. Bank berhak:
- a. menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, menurut budi bicara Bank dengan cara menyiarannya dalam Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank, pada bila-bila masa dengan memberi notis awal;
  - b. melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas apa jua sebab sekalipun yang Bank anggap wajar menurut budi bicara mutlaknya daripada menyertai Kempen tanpa memberi sebarang sebab.
35. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen, maka Terma & Syarat muktamad dalam Laman Web HLB hendaklah diutamakan.
36. Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun, dan Terma dan Syarat Hong Leong Connect, Terma dan Syarat Kad Kredit dan Kad Debit Hong Leong hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
37. Semua Akaun Layak Pelanggan Layak mestilah sah / aktif, berkedudukan baik dan mestilah tidak melanggar mana-mana terma dan syarat Kempen dan / atau Terma dan Syarat Am Kempen pada masa pemberian Hadiah Kempen.
38. Pemberian Promosi A, Pemberian Promosi B dan Pemberian Promosi C (secara kolektif “Pemberian”) akan disediakan atas dasar “Sebagaimana Ada”. Pemberian yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan / atau Laman Web HLB adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Apa-apa prop, aksesoris atau peralatan yang dipaparkan bersama Pemberian itu dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan sahaja dan bukan menjadi sebahagian daripada Pemberian itu.
39. Bagi mengelakkan keraguan, Pemberian-pemberian Promosi adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh peniaga berkenaan: The Alley Malaysia, Daboba Malaysia dan PIN Tea Malaysia. Bank tidak membuat pernyataan atau memberi jaminan berkenaan kualiti atau kesesuaian Pemberian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahan dan/atau kegunaan Pemberian, dan tidak akan bertanggungjawab untuk mengganti sebarang Pemberian yang hilang, dicuri atau rosak. Pelanggan Layak, Pemegang Kad Layak dan Pemegang Kad Debit Layak hendaklah berurus secara terus dengan peniaga atas apa jua pertanyaan, pertikaian atau tuntutan berhubung dengan Pemberian tanpa bantuan Bank.
40. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahamah-mahkamah Malaysia.
41. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Produk Deposit/Deposit-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**